

Mi segera lebih 'laku' akibat inflasi, jadi pilihan penduduk miskin bandar

- Sekuriti makanan perlu dipertahankan untuk memastikan bekalan makanan mencukupi, akses mudah dan mampu dibeli

- Pelaburan ke atas sekuriti makanan perlu diintegrasikan dalam merancang bajet tahunan negara



Oleh Datin Paduka Dr Fatimah
Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

Antara perkara yang sering dipersoalkan di negara ini adalah, mengapa makanan perlu menjadi agenda utama dasar kerajaan. Hujah fundamental atau penting bagi menjawab soalan ini adalah, ia demi sekuriti makanan rakyat.

Makanan adalah hak asasi manusia mengikut Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat 1948. Justeru, sekuriti makanan perlu dipertahankan untuk memastikan bekalan makanan mencukupi, akses mudah dan mampu untuk dibeli dan jaminan zat dan pemakanan sihat.

Elemen asas kesihatan manusia adalah kalori, protein, vitamin dan sumber mineral untuk pembangunan insan merangkumi bayi, kanak-kanak dan orang dewasa. Semua perkara ini mempengaruhi kesihatan, pendidikan, pembangunan sosial, ekonomi komuniti dan negara.

Tidak dinafikan, krisis makanan sedikit sebanyak mendedahkan kerapuhan sistem sekuriti makanan negara. Namun, ada beberapa faktor menyebabkan gangguan sekuriti makanan negara.

Pertama, pengeluaran makanan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan makanan. Ia ditambah pula dengan impak perang Russia-Ukraine, menyebabkan kenaikan harga baja sehingga 200 peratus dan bekalan input iaitu buruh terputus, menjejaskan pengeluaran makanan dalam negara.

Harga daging dan telur ayam yang sering mencapai lebih daripada 100 peratus tahap sara diri turut terjejas teruk sehingga perlu dibantu dengan subsidi kerajaan sebanyak RM1.1 bilion sehingga kini.

Import makanan asas meningkat

Import makanan asas seperti beras, daging, sayur dan makanan ternakan meningkat dari segi kuantiti dan nilai, sekali gus mewujudkan defisit perdagangan paling tinggi pernah direkodkan. Bererti, aspek ketersediaan masih pada tahap tidak stabil dan tidak mencukupi apabila berdepan dengan perkara luar jangka.

Kedua, pandemik COVID-19 menjejaskan akses dan kemampuan untuk membeli makanan, terutama golongan B40 kerana ia menyebabkan rakyat menjadi muflis, berlaku pengangguran dan pendapatan terjejas.

Susulan daripada masalah inflasi dan peningkatan kos kehidupan, tahap kemiskinan negara meningkat daripada 5.8 peratus sebelum pandemik kepada 8.4 peratus ketika pandemik.

Satu perlima golongan M40 beralih menjadi golongan B40, menjadikan 60 peratus penduduk negara menerima pendapatan di bawah RM4,850 sebulan.

Bilangan isi rumah miskin pula dianggarkan seramai 639,000 orang mengikut Jabatan Perangkaan. Pada Jun lalu, Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 3.9 peratus dan indeks makanan penyumbang utama inflasi, meningkat 6.1 peratus.

Situasi ini menyebabkan pendapatan sebenar pengguna menurun lantas mengurangkan kemampuan daya membeli. Barang makanan asas seperti sayur, daging dan minyak masak turut menunjukkan peningkatan hampir tiga angka.

Ketiga, apabila ketersediaan makanan tercabar, kuasa beli menipis, maka ia menjejaskan pemakanan dan nutrisi penduduk. Kajian Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) mengenai *Families on the Edge* pada 2020 mengetengahkan beberapa masalah nutrisi ketara.

Sebagai contoh, penduduk miskin bandar tidak lagi mampu membeli daging dan sayur-sayuran segar. Kajian itu juga mendapati perbelanjaan ke atas mi segera, beras dan telur meningkat lebih 40 peratus.

Kajian itu juga mendapati satu daripada setiap 10 kanak-kanak makan kurang daripada tiga hidangan sehari, seorang daripada lima kanak-kanak mengalami bantut dan kadar berat menyusut bagi setiap seorang daripada 10 kanak-kanak. Malangnya, dalam situasi pemulihan ekonomi perlahan, masalah membekalkan nutrisi mencukupi tidak dapat ditangani dengan segera.

Pengalaman menunjukkan sekuriti makanan berhubung kait amat rapat dengan pertumbuhan ekonomi, iaitu kedua-duanya hampir bergerak selari. Negara ekonomi maju lazimnya mencapai status sekuriti makanan baik seperti di Singapura.

Pergerakan selari kedua-dua elemen ini bererti sekuriti makanan bergantung kepada pembangunan pelbagai sektor selain pertanian, seperti kewangan, pendidikan, kesihatan dan nutrisi serta infrastruktur.

Namun, pertumbuhan ekonomi tidak cukup untuk mengatasi masalah sekuriti makanan, terutama dari segi nutrisi dan pembangunan fizikal penduduk khususnya dalam masalah bantut.

Menurut *The Lancet*, iaitu jurnal kesihatan dan nutrisi global, peningkatan 10 peratus dalam pertumbuhan ekonomi mengurangkan masalah nutrisi kronik hanya sebanyak 6.0 peratus. Ini menunjukkan hubungan pertumbuhan ekonomi dan nutrisi tidak simetri.

Kegemukan dan obesiti

Pada masa sama, pertumbuhan ekonomi memberi kesan negatif seperti kegemukan dan obesiti. Sebagai contoh, kenaikan 10 peratus dalam pertumbuhan ekonomi adalah antara punca peningkatan 7.0 peratus kegemukan dalam kalangan wanita dan ia berpunca daripada nutrisi.

Malaysia, negara ketiga dari segi pendapatan per kapita di ASEAN, menduduki tempat pertama dari segi kegemukan yang mana separuh atau 30.4 peratus daripada penduduknya mengalami kegemukan



dan 19.7 peratus pula obesiti berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019.

NHMS mendefinisikan kegemukan jika Indeks Jisim Tubuh (BMI) melebihi 25 kilogram(k)/m², manakala untuk obes kadar BMI melebihi 30kg/m². Data ini menyarankan pengambilan makanan sihat adalah agenda utama sekuriti makanan.

Kanak-kanak bantut

Sementara itu, mengikut UNICEF, jurang pendapatan besar menyebabkan kanak-kanak bantut. Statistik menunjukkan seorang daripada lima kanak-kanak di negara ini adalah bantut.

Mengikut pecahan negeri pula, seorang bagi setiap tiga kanak-kanak di Kelantan, Terengganu dan Pahang mengalami masalah bantut. Nisbah ini lebih tinggi berbanding negara mundur seperti Zimbabwe dan Swaziland. Brazil dilaporkan berjaya mengurangkan kebantutan kanak-kanak daripada 37 peratus kepada 7.0 peratus dalam tempoh 33 tahun lalu.

Penurunan kadar bantut ini berlaku apabila Brazil mengurangkan jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin. Negara itu juga memperbaiki akses pendidikan, khidmat kesihatan, khidmat air dan sanitasi serta khidmat bersalin dan kelahiran.

Ini bererti untuk mencapai sekuriti makanan yang sepenuhnya, kerajaan perlu menukar amalan lapuk yang menyasarkan pertumbuhan tanpa mengambilkira kepentingan sasaran sekuriti makanan dan nutrisi.

Ia membabitkan sumbangan pelbagai sektor untuk mengurangkan ketidaksetaraan pendapatan, disamping menyasarkan penduduk terpinggir. Sekuriti makanan yang tidak stabil memberi kesan negatif kepada modal insan dan meningkatkan kos fiskal kerajaan kerana menjejaskan perbelanjaan.

Hal ini juga akan melembapkan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang. Pendek kata, sekuriti makanan yang kukuh adalah paksi utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pelaburan ke atas sekuriti makanan perlu diintegrasikan dalam merancang bajet tahunan negara. Bermakna, ia perlu ada sasaran jelas dari segi pemantauan dan penilaian strategi untuk mengukur pencapaian nutrisi mencukupi.

Pelaburan ke atas sekuriti makanan akan menjamin pencapaian sistem makanan lestari, berdaya tahan dan setara seperti dituntut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kelestarian sektor makanan dicapai melalui pelaburan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan mengurangkan import atau aliran keluar mata wang asing.

Daya tahan sektor pertanian mendepani cabaran perubahan cuaca adalah melalui penerapan pendekatan agroekologi dan pertanian pintar iklim supaya dapat mengeluarkan makanan mesra alam. Tuntutan ini membabitkan sains serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang meluas dan mendalam.

Kesetaraan sektor makanan dijamin dengan memperkasakan petani dan pekebun kecil dengan teknologi termaju, pembangunan koperasi bagi petani dan pengguna serta membangunkan sektor makanan dan minuman tempatan untuk merencanakan pengeluaran dan penggunaan tempatan dan eksport.

Felo, Laboratori
Kajian Dasar
Pertanian
dan Makanan,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)